

## 12 Pelajar FKJ UMS Jayakan Projek "No More Cloudy Water"

Terakhir dikemaskini: Khamis, 15 November 2018 16:03 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 175

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)

**KHAMIS, 15**

**NOVEMBER** – Seramai 12 pelajar tahun akhir Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Projek Kelestarian “*No More Cloudy Water*” di kampung Langsat Kinomulok, Papar, baru-baru ini.

Projek di bawah bimbingan pensyarah kanan FKJ, Prof. Madya Dr. Nurmin Bolong dan Sr. Asmawan Mohd Sarman itu merupakan sebuah projek yang mendapat tajaan oleh Khind Starfish Foundation melalui *Project for Happiness*.

Menurut Ketua Projek, Ivy Patrick, sepanjang melaksanakan aktiviti menaiktaraf kemudahan paip graviti di kampung tersebut, beliau bersama 11 pelajar yang mengambil kursus Kejuruteraan Alam Sekitar mendapat sokongan yang tinggi daripada penduduk kampung yang diketuai oleh Ketua Paip Graviti Kampung, Francis Yopinsil.

“Penduduk kampung turut sama membanting tenaga dalam tempoh lapan minggu untuk menyelesaikan projek ini.

“Antara skop kerja yang dijalankan adalah menaiktaraf kawasan tadahan punca air yang dilengkapi dengan tangki mendapan berskala kecil serta memasang sistem penapisan air agar warga kampung dapat menikmati bekalan air yang lebih bersih,” katanya.

Dalam pada itu, wakil Khind Starfish Foundation, Michael Lim ketika berucap dalam satu Majlis Perasmian Menaik Taraf Kemudahan Paip Graviti di kampung itu berkata, kejayaan projek ini memberi sumbangan besar kepada penduduk kampung kerana adanya sumber air yang lebih bersih berbanding sebelumnya.

“Diharapkan melalui projek ini, pelajar memperoleh manfaat dari segi kerja praktikal, dan begitu juga kepada penduduk kampung yang terlibat sama,” katanya.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Ismail Saad juga berharap agar pelaksanaan projek tersebut memberi pendedahan yang berguna kepada para pelajar terhadap pengalaman praktikal di tapak

bina selain turut menekankan para pelajar untuk terus giat dalam aktiviti kelestarian seperti yang telah dilaksanakan di kampung berkenaan.